

Bil. 1/2026



ISSN : 1394-9675



Terbitan Khas MTHQNS 1447H/ 2026M **SHOUTUL ISLAM**

Menjejak Legendaris

Qari Qariah Terbaik Negeri Sabah

Wahyu Ilahi Pencerah

Pembinaan Ummah Madani

13 Trivia al-Quran

No. 9 Pasti Ramai Tak Tahu!!

Ringkasan Khutbah Jumaat



Bismillahirrahmanirrahim...

Sekali lagi saya memanjatkan syukur ke atas Ilahi atas kesempatan untuk kita bertemu lagi di Shoutul Islam Bil.1/2026, Edisi Khas sempena Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah (MTHQNS) 1447H/2026M.

Peranan al-Quran dalam memacu kejayaan kehidupan seseorang Muslim bukan terhad di dunia sahaja, malahan di akhirat kelak. Selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang menyatakan al-Quran dan Hadis sebagai pegangan untuk kekal di jalan yang benar. Oleh itu, penganjuran program seperti MTHQNS ini adalah sebahagian daripada usaha negeri untuk terus menyuburkan pembacaan dan penghayatan al-Quran terutama dalam kalangan generasi muda.

Istimewa terbitan kali ini ialah kita akan mengimbuu sejarah Qari dan Qariah negeri Sabah yang pernah berentap di arena negeri, negara seterusnya antarabangsa. Di samping itu, pihak editorial turut menyisipkan trivia-trivia menarik mengenai Kalam Suci Allah SWT ini agar masyarakat lebih mengenalinya. Turut dimuatkan ringkasan khutbah khas mengenai al-Quran dalam 2 bahasa.

Akhir kalam, semoga terbitan kali ini memberi manfaat kepada para pembaca.

Sekian.

ADAM BIN ABDUL HAI
KETUA EDITOR

DARI MEJA EDITOR



PENAUNG

YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif, JP
*Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
merangkap Exco Agama*

PENGERUSI

Datuk Jumain bin Abdul Ghani
Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

KETUA EDITOR

Adam bin Abdul Hai
*Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS*

SIDANG EDITOR

Abdul Asbi bin Amat Eneffjay Temoloktawan
Mohd Rahsuhizam bin Abdul Rahman Najion bin Jamil

URUS SETIA

*Unit Penerbitan
Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS*

SIDANG EDITORIAL



Sekitar Pelaksanaan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Negeri Sabah Peringkat Bahagian pada 23 hingga 30 Januari 2026



oleh Adam Abdul Hai

Menjejak Legendaris

>>> QARI DAN QARIAH TERBAIK NEGERI SABAH

Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) Peringkat Antarabangsa di Malaysia telah diasaskan oleh YM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 9 Mac 1961 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Majlis ini bertujuan menyemarakkan syiar Islam dan menyatukan umat. Ia bermula daripada tradisi Musabaqah Peringkat Negeri (1947) dan Kebangsaan (1950-an) sebelum diangkat ke Peringkat Antarabangsa sehingga kini menjadi acara tahunan utama negara.

Di negeri Sabah, tiada catatan khusus penganjuran pertama MTQ di Peringkat Negeri. Namun berdasarkan pertemuan dan temu ramah yang diadakan bersama ikon Qari Qariah Sabah, peserta negeri ini mengikuti Majlis Musabaqah Al-Quran Peringkat Kebangsaan sejak tahun 60-an lagi. Insya-Allah inisiatif untuk mendokumentasi Qari Qariah terbaik negeri Sabah akan diusahakan.

Berdasarkan catatan Rekod Kejohanan dalam buku atur cara MTQ Peringkat Negeri Sabah, penganjuran majlis di Peringkat Negeri Sabah telah dilaksanakan pada tahun 1967. Encik Pengiran Kahar bin Haji Suhaili dari daerah Kota Kinabalu telah dinobatkan sebagai Johan kategori Qari, manakala Puan Afnah binti Zainuddin juga dari daerah Kota Kinabalu sebagai Johan kategori Qariah.

Pada tahun 70-an, MTQ Peringkat Negeri mulai mengalami revolusi. Ianya tidak terhad kepada golongan dewasa sahaja, akan tetapi kategori kanak-kanak juga turut dianjurkan serentak dengan kategori dewasa.

Penganjuran majlis ini telah diletakkan di bawah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) sebagai penganjur utama.



Sejak daripada itu penganjuran MTQ terus mekar di negeri Sabah dan sudah mengalami evolusi baik dari sudut penyertaan mahupun peningkatan kualiti.

Sekadar menyebut beberapa tokoh al-Quran seperti **Allahyarham Datuk Abdul Marif Ansat** dan **Allahyarhamah Hajah Maliah binti Muda** yang pernah dinobatkan sebagai pemenang Ketiga di MTQ Peringkat Kebangsaan sejak musabaqah ini diperkenalkan. Qari dan Qariah legendaris ini mewakili daerah Beaufort.



Tuan Haji Abdul Maarif bin Ansat, Johan Qari Residensi Pedalaman 1976, 1975, 1965, dan 1967. Mendapat tempat ketiga Peringkat Kebangsaan 1967.

Berumur 34 tahun belia kini menjadi guru agama dan Al-Quran di Beaufort setelah menjalani kursus Pengajian Al-Quran di Pusat Latihan MUIS Kota Kinabalu selama setahun.



Kategori Kanak-kanak



Allahyarhamah Hajah Maliah binti Muda (kiri) dan
Allahyarham Datuk Haji Abdul Ghafar Rijim (kanan)

Allahyarhamah **Hajah Maliah binti Muda** (*ghafarallahu laha*) adalah Qariah terbaik negeri Sabah yang pernah menjadi Johan di Peringkat Negeri sebanyak 6 kali lewat tahun 70-an hingga 80-an. Manakala Allahyarham **Datuk Haji Abdul Ghafar Rijim** (*ghafarallahu lahu*) masih memegang rekod kejohanan terbaik menjadi Johan Qari sebanyak 10 kali bermula pada tahun 1968, 1970, 1973, 1974, 1978, 1979, 1984, 1985, 1993 dan 1999.

MTQ terus berkembang di negeri Sabah dengan penampilan wajah-wajah baharu sebagai ikon Qari dan Qariah terbaik negeri. Tahun millenium, Qari Qariah seperti **Haji Abdullah Abdul Wahid** (daerah Semporna) merupakan pemegang rekod kejohanan Qari Peringkat Negeri Sabah sebanyak 7 kali (2003, 2004, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010). Beliau juga pernah menduduki Tempat Ketiga Peringkat Kebangsaan sebanyak 2 kali dan mewakili negara Malaysia dalam MTQ di negara Iran pada tahun 2009. Manakala kategori Qariah pula turut melakar sejarah sebagai Qariah terbaik negeri Sabah menyamai rekod kejohanan negeri kategori Qari **Allahyarham Datuk Haji Abdul Ghafar Rijim**. Qariah yang dimaksudkan adalah **Hajah Siti Hatijah binti Marsuki** dari daerah Tawau. Beliau telah menjuarai Peringkat Negeri dan mewakili negeri Sabah ke Peringkat Kebangsaan sejak tahun 1999, 2001, 2002, 2004, 2005, 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2016. Kedua-dua Qari Qariah ini masih bergiat aktif dan meneruskan penyertaan dalam Majlis Tilawah Al-Quran yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri melalui JHEAINS.



Semoga MTHQNS pada tahun ini akan menampilkan wajah-wajah baharu ikon al-Quran negeri Sabah. Tahun 2026 ini juga, kategori Tilawah Remaja turut dipertandingkan. Kategori Remaja ini mula diperkenalkan kembali di Peringkat Negeri pada tahun 2023 semasa penganjuran MTHQNS di daerah Putatan sebagai tuan rumah. Kepada semua peserta kategori Tilawah Dewasa, Tilawah Remaja serta Hafazan (Kategori 1, 2 dan 3), selamat bertanding dengan penuh khusyuk dan tawadu'.

Haji Abdullah Abdul Wahid (atas)
Hajah Siti Hatijah binti Marsuki (bawah)

PENCERAH

Pembinaan Ummah Madani

oleh Najion bin Jamil

Di ambang Ramadan al-Mubarak ini, pastinya ada dalam kalangan kita yang mula sibuk mencari, membersihkan dan membaca kembali mushaf yang berhabuk yang tersimpan sama ada di dalam mahupun di luar rak buku. Sifat mulia ini adalah antara tanda bahawasanya masih ada sekelumit ingatan terhadap kalam Allah SWT berkenaan setiap kali menjelangnya bulan nuzul.

Bagaimanapun, al-Quran diturunkan bukan untuk ditadaruskan sempena Ramadan, atau untuk dibaca pada majlis-majlis tertentu sahaja. Ia seharusnya menjadi bacaan, panduan, pengajaran dan nasihat yang dijiwai oleh setiap manusia yang bergelar Muslim pada setiap masa dan tempat. Al-Quran adalah mukjizat maknawi yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada utusan pilihan-Nya, Nabi Muhammad SAW, yang telah terbukti mengubah hidup masyarakat jahiliah yang hina menjadi mulia, menjadi penyuluh umat kepada yang cerah daripada gelita, serta menjadi hidayah bagi mereka yang sentiasa mencari keagungan Tuhan Yang Maha Mencipta.

Dengan hal yang demikian, al-Quran diturunkan dengan tidak ada sebarang keraguan dan syak padanya. Ia memberi petunjuk dan hidayah kepada seluruh umat Nabi Muhammad SAW sejajar dengan penegasan Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 2 yang bermaksud: *"Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentangnya daripada Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa."*

Berdasarkan kepada fakta itu, segala panduan dan peraturan tentang agama Islam ada diterangkan dalam al-Quran dan dijelaskan lagi oleh sunah Rasulullah SAW. Ia menjadi petunjuk kepada orang-orang yang ingin mengikut jalan yang direndhai Allah SWT selari dengan firman-Nya dalam surah an-Nahl ayat 89 yang bermaksud: *"Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam."*

Tegasnya, al-Quran memberi panduan bagi sesiapa sahaja yang mahu memikirkan dan menghayati isinya untuk mendapatkan kebenaran dan kebaikan sehingga dapat disampaikan dan dikongsi kepada orang lain kebenaran itu. Dengan itu, kita berupaya memahami hakikat kebatilan serta kejahatan. Pemahaman itu membolehkan kita mengenal pasti jalan terbaik yang akan kita lalui supaya terhindar dari kejahatan dan kemurkaan Allah SWT.

Malah al-Quran juga berperanan sebagai pengawal dan pemandu kepada kaum Muslimin yang beriman dengannya memperoleh segala bentuk keistimewaan yang merangkumi hidayah, rahmat serta kesembuhan dari segala jenis penyakit rohani, jasmani, sosial, ekonomi dan sebagainya. Keistimewaan ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Israa ayat 82 yang bermaksud: *"Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua."*

Pastinya kemukjizatan al-Quran tetap terserlah walau selepas kewafatan Nabi SAW. Ia menjadi pegangan sehingga kini sebagaimana ia telah terjadi, walaupun dalam skala yang kecil berbanding zaman sebelumnya. Peranannya masih relevan dalam memberi preskripsi panduan mutakhir dalam kerangka membina Ummah Madani yang digagaskan oleh kerajaan kini.

Secara ringkasnya, Ummah Madani merujuk pada masyarakat yang menjunjung tinggi nilai-nilai keadaban, keadilan, toleransi, dan berlandaskan pada prinsip-prinsip keislaman yang rahmatan lil 'alamin. Konsep ini tidak hanya berorientasi pada pencapaian kemajuan material, tetapi juga pada pembentukan akhlak dan spiritual masyarakat yang luhur.

Sehubungan itu, berikut adalah antara landasan asas pembinaan Ummah Madani yang digariskan oleh al-Quran:

1. KEIMANAN DAN KETAKWAAN

Al-Quran meletakkan iman dan takwa sebagai asas paling penting dalam membina warga Madani. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-A'raaf ayat 96 yang bermaksud: *"Dan (Tuhanmu berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu beriman, serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi..."*

Ayat ini menggariskan bahawa Ummah Madani ialah umat yang meletakkan ketundukan serta penghambaan diri kepada Allah SWT sebagai asas dalam semua aspek kehidupan — dari kepimpinan, ekonomi hingga sosial.

2. KEADILAN SEBAGAI TERAS PENTADBIRAN

Al-Quran meletakkan keadilan sebagai prinsip utama dalam mengurus masyarakat. Hal ini terakam pada surah al-Maaidah ayat 8 yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegaskan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam apa yang kamu lakukan."*

Perintah Allah SWT ini jelas menunjukkan bahawa tanpa keadilan, masyarakat akan berpecah. Ummah Madani hanya akan lahir apabila pemimpinnya dan rakyatnya menegaskan keadilan tanpa pilih kasih, sama ada terhadap orang Islam atau bukan Islam.

3. ILMU PENGETAHUAN DAN KEINTELEKTUALAN

Al-Quran membuka surah pertama dengan seruan membaca dan mencari ilmu sebagaimana dalam surah al-Alaq ayat pertama: *"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan."*

Pembinaan negara bangsa yang maju dan cemerlang terletak pada penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran terhadap sains dan teknologi. Jadi, Ummah Madani adalah warga yang mencintai ilmu, melahirkan generasi cendekiawan dan profesional yang bukan sahaja bijak, tetapi berakhlak dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

4. PERPADUAN DAN UKHUWAH

Perpaduan adalah nadi kepada dinamika bangsa dan negara. Justeru al-Quran menyeru umat Islam supaya bersatu dan tidak berpecah-belah sebagaimana terakam pada surah Ali-Imraan ayat 103 yang bermaksud: *"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenangilah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara..."*

Kesatuan dan perpaduan ummah penting dalam kerangka memperkukuh semangat persaudaraan, saling menghormati perbezaan dan bersama membina negara yang aman dan sejahtera.

5. TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KESEJAHTERAAN UMMAH

Al-Quran memerintahkan agar umat Islam memelihara kebajikan masyarakat melalui amalan bantu-membantu serta tolong-menolong sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maaidah ayat 2 yang bermaksud: *"...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)."*

Warga Madani bukan komuniti yang mementingkan diri, tetapi mereka yang cakna serta prihatin terhadap kebajikan sesama insan khususnya golongan yang memerlukan dan kurang bernasib baik seperti orang miskin, anak yatim, warga emas dan sebagainya.

6. AMANAH DAN TADBIR URUS YANG BAIK

Islam menekankan nilai amanah sebagai asas dalam kepimpinan dan pekerjaan. Sebab itu, al-Quran menyarankan umat Islam supaya mempertanggungjawabkan sesuatu amanah itu kepada ahlinya atau yang tahu dan mahu melaksanakannya dengan tuntas serta ikhlas. Perintah Allah SWT ini terkandung dalam surah an-Nisaa ayat 58 yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)."*

Bersandarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang diketengahkan pada ruangan ini, adalah jelas bahawa membina Ummah Madani berpandukan wahyu Ilahi bukan angan-angan utopia. Ia adalah realiti yang telah dicapai di Madinah pada zaman Rasulullah SAW. Maka menjadi tanggungjawab kita hari ini untuk menghidupkan kembali roh al-Quran dalam masyarakat, agar kita bukan hanya maju dari segi fizikal dan teknologi, tetapi juga dari segi jiwa, nilai dan akhlak.

Oleh hal yang demikian, sama-samalah kita menjayakan gagasan Ummah Madani berpandukan wahyu, berpaksikan nilai murni masyarakat dan berorientasikan amal soleh. Mudah-mudahan Masyarakat Madani tertegak di negara kita dengan integriti, tidak hanya dalam kerajaan, malah dalam keluarga, institusi pendidikan, institusi ekonomi dan masyarakat seluruhnya.

Insyallah!

13

TRIVIA AL-QURAN

NO.9 PASTI RAMAI TAK TAHU!

Mengandungi **30** juzuk, **114** surah, **6,236** ayat

1

Al-Quran diturunkan selama **23** tahun;
13 tahun di Kota Mekah dan **10** tahun di Kota Madinah

2

Surah terpanjang: **al-Baqarah** (286 ayat)
Surah terpendek: **al-Kauthar** (3 ayat)

3



Terjemahan literal 'al-Quran' ialah **mengkaji**
(terbitan kata kerja قَرَأَ (*qara'a*) iaitu mengkaji)

4



Ayat terpanjang
Surah **al-Baqarah**, ayat **282** (mengenai hutang)

5



Ayat terpendek
Surah **al-Rahman**, ayat **62** (tentang syurga)

6

7

Surah al-Fatihah (surah pertama al-Quran) turut dikenali sebagai *Ibu Kitab (Ummul Kitab)* / *Ibu Quran (Ummul Quran)*

8

Surah Yaa Siin (یس - surah ke-36) ialah *jantung* al-Quran



9

Perkataan *lelaki* dan *perempuan* sama-sama telah muncul sebanyak **24** kali setiap satu dalam al-Quran



10

31 jenis binatang disebut dalam al-Quran
Lembu 'نَعَم' disebut 33 kali dalam 31 ayat



11

Al-Quran mendedahkan bahawa penciptaan semua makhluk hidup itu bermula dari air (QS. al-Anbiyaa', 21:30)



12

Nabi Musa AS paling banyak disebut dalam al-Quran (136 kali). Nabi Muhammad SAW disebut 4 kali



13

Surah an-Nahl (surah ke-16) paling banyak menceritakan nikmat Ilahi



Sumber: View. (2023, July 30). 15 Fakta Tentang Al-Quran. Mymuslimin.com.
<https://mymuslimin.com/2023/07/30/15-fakta-tentang-al-quran/#>

RINGKASAN KHUTBAH JUMAAT



"AL-QURAN PANDUAN HIDUP UMAT SEPANJANG ZAMAN"

sempena sambutan

مَجْلِسُ تِلَاوَةِ وَحَفَازَةِ الْقُرْآنِ بِرِیْنِ سَابَه

**Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah
(MTHQNS) 1447H/2026M**

DIBACA PADA

25 SYAABAN 1447H/13 FEBRUARI 2026M

Ringkasan disediakan oleh: Abdul Asbi bin Amat (BM) | Eneffjay (BI)

Al-Quran merupakan kitab terakhir yang menjadi panduan hidup umat manusia sepanjang zaman. Merangkumi seluruh aspek kehidupan baik di dunia mahupun akhirat. Umat Islam dituntut untuk membaca, memahami dan menghayati al-Quran berdasarkan fahaman *Ahli Sunnah Wal Jamaah* serta menjauhi tafsiran mengikut hawa nafsu yang boleh menyesatkan, termasuk fahaman menolak hadis. Oleh itu adalah menjadi satu keutamaan untuk masyarakat Muslim membudayakan pembacaan al-Quran khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja sebagai benteng akidah dan akhlak. Perkara ini turut ditekankan lagi oleh Baginda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang menyatakan kelebihan kepada mereka yang belajar dan mengajar membaca al-Quran. Usaha kerajaan memperkasakan sekolah-sekolah Tahfiz dan Dini selama ini menunjukkan komitmen menjaga dan memelihara al-Quran agar generasi muda dapat mengikuti pengajian Islam dengan sempurna. Hasilnya lahirlah para *hafiz* dan *hafizah* yang akan menjadi tonggak pemacu kemajuan masyarakat Islam di negeri ini khususnya dan negara umumnya.

The Holy Quran purpose is to guide mankind throughout time into the right path. Encompassing every facet of life, both here and hereafter. Muslims are required to read, understand and appreciate the holy scripts according to *Ahli Sunnah Wal Jamaah* lenses, and to stay away from harmful bad faith interpretations, such as rejecting hadith. Therefore it is highly important to cultivate Quran reading in Muslims communities, especially among younger generations as a bastion for faith and morality. Prophet Muhammad SAW also emphasized this through a hadith that stated benefits and rewards waiting to those learning and teaching the Quran. Our government's efforts to strengthen Tahfiz and Dinis schools shows strong commitment to safeguard and preserving Quran so that the younger generation can complete Islamic studies perfectly. Thus resulting in producing quality Hafizs and Hafizahs to drive holistic progress in Muslim communities for both state and country.

BAHASA MALAYSIA

ENGLISH



**Mesyuarat Jawatankuasa Induk
Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah
(MTHQNS) 1447H/2026M**

